


Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dato Dr. Syed Jalaludin Syed Salim terima ijazah kehormat Doktor Sekuriti Makanan



SERDANG, 1 Disember – Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Syed Jalaludin Syed Salim terima Ijazah Kehormat Doktor Sekuriti Makanan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-48 Sidang 2 kelmarin.

Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat kepada Profesor Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Syed Jalaludin.

Tan Sri Syed Jalaludin telah memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan profesion veterinar di Malaysia dengan memimpin pelbagai persatuan dengan jawatan penting seperti Presiden *Malaysian Veterinary Association*, Presiden *Malaysian Society of Applied Biology*, Presiden *Society of Animal Production* dan pelbagai lagi.

Melalui kepimpinan beliau, dua persatuan besar iaitu *Malaysian Veterinary Association* dan *Association of Veterinary Surgeons Malaysia* berjaya disatukan melalui penubuhan *Veterinary Association Malaysia* pada tahun 1987 bagi meluaskan kepentingan antara dua bidang ini.



Beliau turut aktif dalam kepimpinan di peringkat antarabangsa dengan menjawat jawatan utama seperti *Council Member for The World Association of Animal Production*, *President of the International Society of Veterinary Epidemiology and Economics*, *President of the World's Poultry Science Association (Malaysian Branch)* dan Presiden pertama *Asian-Australasian Animal Production Society*.

Tan Sri Syed Jalaludin telah berkhidmat selama 26 tahun di UPM mempunyai pengalaman yang luas dalam penyelidikan veterinary, pengajaran dan pentadbiran. Beliau memulakan perkhidmatan pada tahun 1969 sebagai penolong Pensyarah, Ketua Jabatan, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar dan Sains Haiwan, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Kewangan),

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) dan merupakan bekas Naib Canselor ketiga Universiti Pertanian Malaysia pada Jun 1994 hingga April 2001.

Beliau juga menerima pelbagai anugerah antaranya, Ahli Akademik Negara oleh Sasterawan Sains Negara, Malaysia, Profesor Emeritus oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan UPM, Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Johan Setia Mahkota oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Darjah Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) oleh DYMM Sultan Selangor dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P.) oleh DYMM Raja Perlis.